

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

SOALAN NO. 449

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a. prosedur penilaian *standard* Kementerian dalam menentukan sama ada seseorang kanak-kanak memerlukan bantuan pendidikan khas; dan
- b. apakah perkhidmatan atau sokongan sedia ada untuk sekolah dan ibu bapa kanak-kanak ini yang memerlukan bantuan pendidikan khas.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a. Prosedur penilaian standard KPM dalam menentukan seseorang kanak-kanak memerlukan bantuan pendidikan khas adalah seperti yang berikut:
 1. Guru mengenal pasti murid yang mempunyai masalah dalam mengikuti kurikulum aliran perdana;
 2. Guru menggunakan Instrumen Pengenalpastian Murid Bermasalah Dalam Pembelajaran (IPMBDP) dan Instrumen Senarai Semak Disleksia (ISD) bagi murid berumur 7 hingga 12

NO. SOALAN: 449

tahun manakala instrumen Senarai Semak Perkembangan (SSP) bagi murid prasekolah berumur 4 hingga 6 tahun;

3. Guru membuat rujukan kepada pegawai Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan/ atau Pasukan Kesihatan Sekolah (PKS) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.
 4. Ibu bapa membawa murid untuk mendapatkan pengesahan diagnosis kepada Pasukan Kesihatan Sekolah (PKS) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.
 5. Murid yang telah mendapat pengesahan akan dibantu dalam aspek pendidikan berkeperluan khas sama ada dalam bentuk perkhidmatan sokongan pegawai 3PK atau perkhidmatan pendidikan khas di sekolah.
- b. Perkhidmatan atau sokongan sedia ada untuk sekolah dan ibu bapa kanak-kanak yang memerlukan bantuan pendidikan khas disediakan melalui Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK). Perkhidmatan yang ditawarkan di 3PK adalah seperti saringan, penilaian bidang khusus, sesi intervensi secara individu atau berkumpulan, perkongsian maklumat berkaitan intervensi dan sesi konsultasi untuk guru dan ibu bapa. Perkhidmatan bidang khusus yang ditawarkan melalui 3PK adalah seperti psikologi klinikal, terapi carakerja, terapi pertuturan dan bahasa, audiologi dan intervensi pendidikan (peripatetik).

Selain itu, peralatan bagi perkhidmatan sokongan juga turut disediakan termasuk dari segi peralatan khas seperti mesin Braille, *Close Circuit Television (CCTV) magnifier*, termoform, *Picture Exchange Communication System (PECS)* dan kit penyelenggaraan alat bantu pendengaran dalam usaha memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran murid berkeperluan khas. RT56/449